

Zon waktu BH 17 DEC 1981 diseragam 1 Januari

KUALA LUMPUR, Rabu — Perbezaan zon waktu antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak akan berakhir pada 11.30 malam 31 Disember ini.

Pada waktu itu, seluruh penduduk di Semenanjung akan mempercepatkan jam mereka 30 minit supaya menjadi tepat 12 tengah malam dan seterusnya negara ini akan memulakan zon waktu seragam buat selama-lamanya.

Waktu mula bekerja di pejabat-pejabat kerajaan di Semenanjung ditetapkan pada jam 8 pagi mulai 1 Januari atau 7.30 pagi waktu sekarang.

Sekolah-sekolah juga akan diberi waktu mula baru yang lebih sesuai, iaitu lebih awal dari sekarang. Waktu barunya akan diumumkan tidak lama lagi.

Demikian diputuskan oleh Kabinet Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam sidang mingguan di sini, hari ini.

Menurut Perdana Menteri, Kerajaan tidak akan mengemukakan satu arahan rasmi mengenai penyeragaman ini, tetapi terserahlah kepada setiap pihak menyesuaikan dengan keadaan waktu baru.

Pejabat-pejabat Kerajaan di Semenanjung Malaysia, tambah Datuk Seri Dr. Mahathir, akan tetap memulakan perkhidmatannya jam 8 pagi, walaupun kali ini bermakna jam 7.30 pagi waktu sebelum 1982.

Bagi sekolah-sekolah pula, katanya, Kementerian Pelajaran sedang mengkaji waktu paling sesuai untuk memulakan kelas di sebelah pagi dan petang.

Menurut Perdana Menteri, pihak berkenaan sedang berusaha mempercepatkan waktu permulaan kelas supaya tidak menyusahkan kanak-kanak menggunakan jalanraya yang penuh sesak.

"Yang masih belum diselesaikan sekarang ialah berapa awalkah yang difikirkan sebagai awal itu, bagi kanak-kanak memulakan pelajaran di bilik darjah,"

Sidang (P)

Perdana Menteri menegaskan dalam satu sidang akhbar di pejabatnya, untuk menjadikan penyeragaman waktu itu sah di segi undang-undang, satu akta akan dibentangkan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara secepat mungkin.

Katanya, akta mengenai penyeragaman zon waktu itu akan dibentangkan dan diluluskan pertama kalinya oleh Dewan Negara Jumaat ini, manakala Dewan Rakyat akan mengadakan sidang khas mengenai akta yang sama pada Isnin 21 Disember.

Setelah itu akta yang diluluskan oleh kedua Dewan akan disembahkan untuk diperkenankan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Berikutan penyeragaman zon waktu ini, Perdana Menteri berharap setiap pihak terlibat di sektor awam dan swasta akan menyesuaikan setiap perkara berkaitan dengan waktu seberapa segera.

Pejabat

Umpamanya, setiap jadual seperti jadual penerbangan, keretapi, siaran radio dan televisyen, bas dan sebagainya perlu disiapkan dari sekarang agar penyeragaman waktu itu berjalan licin.

tambahnya.

Jadual mula persekolahan ini dijangka diumumkan sebelum penggal pertama bermula.

Datuk Seri Dr. Mahathir juga menegaskan, dalam lawatannya ke Singapura esok, beliau akan memberitahu pemerintah di sana mengenai pertukaran zon waktu ini.

Terserahlah kepada Singapura, katanya, sama ada mahu mengikut zon waktu yang diseragamkan di Malaysia kelak.